

Singapura nafi penambakan punca banjir

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Singapura menyangkal kenyataan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, bahawa penambakan Pulau Tekong oleh republik itu sejak lebih tiga tahun lalu menjadi antara punca banjir besar yang melanda daerah Kota Tinggi.

Jurucakap Kementerian Pembangunan Nasional Singapura, dalam kenyataan media yang dikeluarkan menerusi Suruhanjaya Tinggi Singapura di sini, semalam, mendakwa ulasan Abdul Ghani itu tidak berasas.

Katanya, tiga kajian teknikal, termasuk dua yang dibuat oleh Malaysia sebelum ini menunjukkan kerja penambakan laut yang dilakukan republik itu tiada memberi kesan langsung terhadap banjir.

“Ulasan itu tidak berasas dan ia disahkan keputusan kajian teknikal yang diarahkan secara berasingan Malaysia dan Singapura sebagai sebahagian daripada prosiding penyelesaian pertelingkahan Konvensyen

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) mengenai kerja penambakan di Pulau Tekong dan Tuas,” katanya.

Jurucakap itu berkata, kajian hidrolik persisiran pantai yang dilakukan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada September 2002 mengenai kesan kerja penambakan mendapati tiada perubahan ketara paras air di sekitar Selat Johor.

Katanya, Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang disediakan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas arahan Kerajaan Malaysia juga mencapai rumusan sama, begitu juga kajian teknikal yang diarahkan Kerajaan Singapura pada 2003.

“Malah, berdasarkan kajian berkenaan, kumpulan pakar yang dilantik bagi mengkaji kesan penambakan itu mencadangkan tiada keperluan untuk penilaian lanjut kesan banjir oleh perunding yang dilantik untuk kajian bersama itu.

“Ia diterima kedua-dua kerajaan. Tiada asas saintifik untuk mendakwa banjir itu disebabkan kerja pe-

nambakan laut yang dibuat di Pulau Tekong oleh Singapura,” katanya.

Selasa lalu, Abdul Ghani dilaporkan berkata, peluasan Pulau Tekong menyebabkan muara Sungai Johor menjadi sempit dan menyukarkan air mengalir ke laut serta mengganggu pasang surut.

Katanya, fenomena itu menyebabkan Sungai Johor yang melalui pusat bandar Kota Tinggi, melimpah dan menenggelamkan bandar itu sehing-

FAKTA NOMBOR

Pembesaran Pulau Tekong

2.74km

Pengurangan lebar terusan utama perkapalan

35km²

Peningkatan permukaan pulau

ga melebihi paras tiga meter di setengah tempat, ketika banjir 12 Januari lalu.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin meminta semua pihak tidak membuat kesimpulan mengenai punca banjir besar di Johor sebelum kajian teknikal dilakukan oleh jawatankuasa pakar yang akan dilantik kerajaan.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, semalam berkata Malaysia akan menunggu hasil kajian jawatankuasa teknikal berhubung kejadian banjir di Johor sebelum mengambil sebarang tindakan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi, berkata kajian yang akan dijalankan jawatankuasa teknikal itu bukan terhad kepada kesan kerja penambakan di Singapura malah turut mencakupi aspek lain.

“Kita juga hendak tahu bagaimana untuk menghadapi isu banjir ini, sama ada ia menjadi sesuatu yang berulang setiap tahun, berkaitan tebatan banjir dan merancang persediaan masa depan,” katanya.